



**PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2013**



PENYATA KEWANGAN 2013

NEGERI PULAU PINANG

LAPORAN BENDAHARI NEGERI



PENYATA KEWANGAN 2013

NEGERI PULAU PINANG

**PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI**



PENYATA KEWANGAN 2013

NEGERI PULAU PINANG

LAMPIRAN A
Penyata Perbelanjaan
Mengurus



PENYATA KEWANGAN 2013

NEGERI PULAU PINANG

LAMPIRAN B
Penyata Perbelanjaan
Pembangunan



PENYATA KEWANGAN 2013

NEGERI PULAU PINANG

LAMPIRAN C
Penyata Akaun Memorandum
Pinjaman Boleh Dituntut



PENYATA KEWANGAN 2013

NEGERI PULAU PINANG

LAMPIRAN D
Penyata Akaun Memorandum
Pelaburan

Surat Penyampaian



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

YANG AMAT BERHORMAT

TUAN LIM GUAN ENG

KETUA MENTERI

PULAU PINANG.

Mengikut kehendak Seksyen 16 Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak – 1972), saya dengan hormatnya mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 yang telah diaudit untuk dibentangkan di Mesyuarat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Dengan hormatnya dikemukakan,

Dato' Haji Mokhtar bin Mohd Jait

Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Pegawai Pengawal dan kakitangan di Jabatan-jabatan Negeri Pulau Pinang di atas sumbangan dan kerjasama yang dihulurkan kepada Jabatan Kewangan Negeri dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013. Ucapan syabas dan tahniah kepada semua pegawai dan anggota Jabatan Kewangan Negeri khasnya di atas dedikasi dan komitmen dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tersebut. Perancangan yang rapi dan tersusun juga telah membolehkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 disediakan dengan sempurna untuk diaudit serta dibentangkan di Dewan Undangan Negeri dalam sesi Bajet 2015.

Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait

Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2013

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang disediakan setiap tahun oleh Jabatan Kewangan Negeri mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak – 1972). Penyata Kewangan Kerajaan Negeri diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri melaporkan semua urusniaga kewangan sesuatu tahun kewangan. Ia mengakaun semua terimaan dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2013 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Penyata Kedudukan Kewangan disokong oleh Penyata Aset dan Penyata Kumpulanwang Disatukan, manakala Penyata Akaun Memorandum disokong oleh Penyata Memorandum Aset dan Liabiliti.

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG 2013

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri

Penyata Kedudukan Kewangan

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Penyata Prestasi Kewangan

Penyata Akaun Memorandum

Nota kepada Penyata Kewangan

Lampiran

- A. Penyata Perbelanjaan Mengurus
- B. Penyata Perbelanjaan Pembangunan
- C. Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut
- D. Penyata Akaun Memorandum Pelaburan

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

PENDAHULUAN


Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang ini disediakan setiap tahun mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 (disemak 1972). Pada tahun ini Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang telah disedia dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 10 Januari 2014. Penyata Kewangan ini melaporkan semua urusniaga perakaunan kecuali maklumat Aset dan Liabiliti bagi tahun 2013 di dalam Kumpulanwang Disatukan Kerajaan Negeri. Kumpulanwang ini terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Maklumat Aset dan Liabiliti dilaporkan hanya sebagai item di bawah Penyata Akaun Memorandum.

Kedudukan baki akaun Kumpulanwang Disatukan Negeri untuk tahun 2013 berjumlah RM1,292.10 juta meningkat sebanyak RM99.84 juta dari tahun 2012. Peningkatan ini adalah hasil dari peningkatan Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM1.29 juta dan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM98.55 juta berbanding tahun 2012. Jadual 1 menunjukkan perbezaan antara tahun 2012 dan 2013 bagi akaun-akaun dalam Kumpulanwang Disatukan.

JADUAL 1
PERBANDINGAN KEDUDUKAN AKAUN-AKAUN
KUMPULANWANG DISATUKAN NEGERI
BAGI TAHUN 2012 DAN 2013

	2013	2012	+/-
	(RM JUTA)	(RM JUTA)	(RM JUTA)
AKAUN HASIL DISATUKAN	826.58	825.29	1.29
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0	0	0
AKAUN AMANAH DISATUKAN	465.52	366.97	98.55
KUMPULANWANG DISATUKAN	1,292.10	1,192.26	99.84

**CARTA 1: KEDUDUKAN KUMPULANWANG DISATUKAN NEGERI
DARI TAHUN 2009 – 2013**



LEMBARAN IMBANGAN

Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah Wang Awam berupa Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulanwang Disatukan Kerajaan Negeri, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

WANG AWAM

Wang Tunai

Selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan, baki Wang Tunai dinyatakan dalam tiga kategori iaitu Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Baki Wang Tunai sebanyak RM8.75 juta adalah mencakupi Wang Tunai Dalam Bank sejumlah RM8.01 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan sebanyak RM0.42 juta dan Wang Tunai Dalam Tangan sejumlah RM0.32 juta.

Baki Wang Tunai di akhir tahun 2013 meningkat sebanyak RM0.95 juta berbanding tahun 2012 yang berjumlah RM7.8 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh pencairan Deposit Dalam Negeri sebanyak RM10 juta yang telah matang pada akhir tahun 2013 bertujuan untuk menampung pembiayaan operasi akhir tahun. Jumlah Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan penurunan sebanyak RM 4.08 juta berbanding RM4.5 juta pada tahun 2012.

JADUAL 2
KEDUDUKAN WANG TUNAI KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2012 DAN 2013

	2013	2012	+/(-)
	(RM JUTA)	(RM JUTA)	(RM JUTA)
WANG TUNAI DALAM BANK	8.01	2.97	5.04
WANG TUNAI DALAM PERJALANAN	0.42	4.5	(4.08)
WANG TUNAI DALAM TANGAN	0.32	0.33	(0.01)
JUMLAH WANG TUNAI	8.75	7.8	0.95

Pelaburan

Amaun Pelaburan yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dalam Kumpulanwang Disatukan pada 31 Disember 2013 berjumlah RM1,283.35 juta. Amaun ini terdiri daripada pelaburan Deposit Dalam Negeri berjumlah RM1,251.5 juta, pelaburan ekuiti sebanyak RM31.45 juta dan pelaburan Kumpulanwang Amanah berjumlah RM0.4 juta. Deposit Dalam Negeri meningkat sebanyak RM101.5 juta berbanding sebanyak RM1,150 juta tahun 2012. Semua Deposit Dalam Negeri adalah simpanan tetap yang melebihi tempoh 3 bulan yang dikategorikan sebagai pelaburan. (*Para 1.2.3 Cash Basis IPSAS*). Pelaburan Ekuiti tidak berubah berbanding tahun 2012. Pelaburan Kumpulanwang Amanah dalam bentuk simpanan tetap sebanyak RM0.4 juta menurun sebanyak RM2.6 juta berbanding tahun 2012 sebanyak RM3 juta. Kumpulanwang Amanah yang terlibat adalah dari Kumpulanwang Amanah Bantuan TYT YDP Negeri Pulau Pinang.


KUMPULAN WANG DISATUKAN

AKAUN HASIL DISATUKAN

Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan tahun 2013 dengan lebihan berjumlah RM1.29 juta. Lebihan ini berpunca daripada hasil yang diperolehi berjumlah RM833.71 juta berbanding perbelanjaan mengurus sejumlah RM832.42 juta. Lebihan ini menjadikan jumlah baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat daripada RM825.29 juta dalam tahun berakhir 2012 menjadi RM826.58 juta bagi tahun berakhir 2013.

Carta 2 menunjukkan kedudukan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan dari tahun 2009 sehingga tahun 2013.


**CARTA 2: KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN NEGERI
DARI TAHUN 2009 – 2013**



Prestasi Hasil Negeri

Punca hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Carta 3 menunjukkan peratusan agihan komponen-komponen hasil bagi tahun 2013. Pada tahun 2013 terdapat pertambahan hasil sebanyak RM179.16 juta berbanding tahun 2012. Prestasi hasil negeri bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di Jadual 3.

**CARTA 3: PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN HASIL KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2013**



JADUAL 3
PRESTASI HASIL KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KOMPONEN HASIL
BAGI TAHUN 2009 - 2013

KOMPONEN	TAHUN				
	2009 (RM JUTA)	2010 (RM JUTA)	2011 (RM JUTA)	2012 (RM JUTA)	2013 (RM JUTA)
HASIL CUKAI	111.93	116.29	118.17	116.64	120.17
HASIL BUKAN CUKAI	197.91	197.92	212.11	416.43	511.71
TERIMAAN BUKAN HASIL	66.67	96.49	272.61	121.48	201.83
JUMLAH	376.51	410.7	602.89	654.55	833.71

Hasil Cukai

Pungutan Hasil Cukai bagi tahun 2013 meningkat sebanyak RM3.53 juta berbanding tahun 2012. Sumber terbesar Hasil Cukai terdiri daripada Cukai Langsung iaitu Cukai Tanah. Pada tahun 2013 Hasil Cukai Tanah yang dikutip adalah sebanyak RM107.65 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM3.4 juta berbanding tahun 2012.

Hasil Bukan Cukai

Pungutan Hasil Bukan Cukai pada tahun 2013 meningkat sejumlah RM95.28 juta berbanding tahun 2012. Hasil Bukan Cukai terdiri daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit, Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan, Perolehan Dari Jualan Barang-barang, Sewaan, Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan Pelaburan serta Denda Dan Hukuman. Hasil paling tinggi yang dikutip bagi kategori ini adalah bagi Perolehan Dari Jualan Barang-Barang iaitu sebanyak RM366.18 juta. Hasil di bawah kategori ini meningkat sebanyak RM77.79 juta berbanding tahun 2012.

Terimaan Bukan Hasil


Terimaan Bukan Hasil terdiri dari Pulangan Balik Perbelanjaan dan Terimaan Dari Agensi Kerajaan. Terimaan dibawah kategori ini bagi tahun 2013 berjumlah RM201.83 juta menunjukkan peningkatan sejumlah RM80.35 juta berbanding tahun 2012 yang berjumlah RM121.48 juta.

Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2013 berjumlah RM832.42 juta. Perbelanjaan ini meliputi Perbelanjaan Tanggungan sejumlah RM24.61 juta dan Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM807.81 juta. Komponen-komponen perbelanjaan ini terdiri daripada Emolumen sebanyak RM134.74 juta, Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM109.12 juta, Perolehan Aset sebanyak RM6.77 juta, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM578.17 juta serta Perbelanjaan Lain sebanyak RM3.61 juta. Carta 4 menunjukkan Peratusan Komponen Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2013.

Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan tahun 2013 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2012. Prestasi Perbelanjaan Negeri bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di Jadual 4.

CARTA 4: PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN-KOMPONEN PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013



JADUAL 4
PRESTASI PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KOMPONEN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2009 - 2013

KOMPONEN	TAHUN				
	2009 (RM JUTA)	2010 (RM JUTA)	2011 (RM JUTA)	2012 (RM JUTA)	2013 (RM JUTA)
EMOLUMEN	101.74	109.03	112.65	124.65	134.75
PERKHIDMATAN & BEKALAN	66.02	72.07	86.88	98.38	109.12
ASET	2.72	1.89	3.13	3.14	6.77
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	110.39	188.29	260.54	311.45	578.17
PERBELANJAAN LAIN	18.3	5.88	1.38	2.46	3.61
JUMLAH	299.17	377.16	464.58	540.08	832.42

Emolumen

Perbelanjaan untuk Maksud Emolumen adalah berjumlah RM134.75 juta pada tahun 2013. Jumlah ini meningkat sebanyak RM10.10 juta berbanding tahun 2012. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh pelarasan tangga gaji baru serta pemberian bonus kepada kakitangan Kerajaan Negeri.

Perkhidmatan dan Bekalan

Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan merangkumi perbelanjaan penyelenggaraan, sewaan, pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti dan perhubungan serta perbelanjaan bekalan bahan mentah. Perbelanjaan ini telah meningkat sebanyak RM10.74 juta berbanding tahun 2012.

Aset

Jumlah perbelanjaan Aset bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM6.77 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM3.63 juta berbanding tahun 2012. Peratusan perbelanjaan di bawah komponen ini masih lagi kecil jika dibandingkan dengan komponen perbelanjaan yang lain disebabkan pendekatan perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri.

Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap

Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap adalah sebanyak RM578.17 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM266.72 juta berbanding tahun 2012. Perbelanjaan bagi komponen ini adalah merupakan peratusan yang paling besar berbanding komponen perbelanjaan yang lain. Antara perbelanjaan di bawah komponen ini adalah penyaluran bantuan kepada rakyat melalui program-program yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dan juga pemindahan dana ke Kumpulanwang Pembangunan bagi tujuan projek-projek pembangunan kerajaan.

Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain

Jumlah Perbelanjaan Lain bagi tahun 2013 adalah berjumlah RM3.61 juta iaitu meningkat sebanyak RM1.16 juta berbanding tahun 2012.

AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Pinjaman Dalam Negeri

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi mengakaunkan semua terimaan pinjaman dan pindahan pinjaman ke Kumpulanwang Pembangunan. Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan.

Mengikut Lembaran Imbangan, baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2013 adalah sifar iaitu sama dengan baki pada akhir tahun 2012. Baki pada akhir tahun menunjukkan amaun sifar disebabkan pinjaman tersebut telah dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan. Jumlah terimaan pinjaman yang telah dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan dalam tahun 2013 adalah sebanyak RM3.16 juta, menurun berbanding tahun 2012 sebanyak RM14.69 juta. Jadual 5 menunjukkan prestasi akaun pinjaman disatukan dari tahun 2009 hingga 2013.


JADUAL 5
PRESTASI AKAUN PINJAMAN KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2009 - 2013

PERIHAL	TAHUN				
	2009 (RM JUTA)	2010 (RM JUTA)	2011 (RM JUTA)	2012 (RM JUTA)	2013 (RM JUTA)
BAKI PADA 1 JANUARI	0	0	0	0	0
TERIMAAN PINJAMAN	64.51	5.79	6.59	14.69	3.16
PINDAHAN KE KUMPULANWANG PEMBANGUNAN	64.51	5.79	6.59	14.69	3.16
JUMLAH	0	0	0	0	0

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Kerajaan, Kumpulanwang Amanah Awam dan Wang Deposit. Baki Kumpulanwang ini pada 31 Disember 2013 berjumlah RM465.53 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM98.56 juta berbanding tahun 2012 yang berjumlah RM366.97 juta. Carta 5 menunjukkan Akaun Amanah Disatukan dari tahun 2009 hingga 2013.

**CARTA 5: KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN NEGERI
DARI TAHUN 2009 – 2013**



**JADUAL 6
PRESTASI KUMPULANWANG PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2009 - 2013**

PERIHAL	TAHUN				
	2009 (RM JUTA)	2010 (RM JUTA)	2011 (RM JUTA)	2012 (RM JUTA)	2013 (RM JUTA)
KUMPULANWANG PEMBANGUNAN	176.21	80.42	99.86	45.67	85.80
PELBAGAI KUMPULANWANG AMANAH KERAJAAN	116.64	115.91	129.49	118.03	152.17
KUMPULANWANG AMANAH AWAM	66.68	75.20	116.90	112.87	145.61
WANG DEPOSIT	203.40	287.14	76.68	90.40	81.95
JUMLAH	562.94	558.68	422.94	366.97	465.53

Kumpulanwang Pembangunan

Penerimaan bagi Kumpulanwang Pembangunan terdiri daripada Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan sebanyak RM3.16 juta, Terimaan Lain-lain Hasil RM3 juta, Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi RM13.52 juta, Sewa Beli Daripada Perumahan Murah RM2.23 juta, Jualan Rumah Kos Rendah RM1.55 juta, Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan RM200 juta, Terimaan Balik Pinjaman Daripada PDC RM0.64 juta, Terimaan Balik Pinjaman Daripada MPSP RM3.88 juta, Pajakan PBA RM4 juta dan Pindahan Daripada Kumpulanwang Amanah RM20 juta. Jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM211.86 juta di mana semua perbelanjaan adalah perbelanjaan cara langsung.

Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan

Kumpulanwang ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang diwujudkan dari peruntukan Kerajaan Negeri. Antara akaun-akaun amanah berkenaan adalah Kumpulanwang Pinjaman Kenderaan dan Komputer, Pendahuluan Diri, Pendahuluan Pelbagai, Pinjaman Penuntut, Pelbagai Akaun Penyelesaian, Akaun Amanah Tabung TYT, Kumpulanwang Penyelenggaraan Jalanraya Negeri dan lain-lain Pelbagai Kumpulanwang. Secara keseluruhannya baki jumlah Kumpulanwang Amanah Kerajaan ini meningkat sebanyak RM34.15 juta berbanding tahun 2012 yang berjumlah RM118.02 juta.

Kumpulanwang Amanah Awam

Kumpulanwang Amanah Awam ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) untuk mengakaunkan wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu. Baki Kumpulanwang ini pada tahun berakhir 2013 ialah sebanyak RM145.61 juta meningkat sejumlah RM32.74 juta berbanding baki bagi tahun 2012.

Akaun Wang Deposit

Akaun Wang Deposit adalah merupakan wang yang diterima bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Sehingga akhir tahun 2013 keseluruhannya berjumlah RM81.95 juta.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan di dalam Penyata Kewangan.

Aset

Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan, Hasil Belum Terima dan Bayaran Air Mentah.

Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Jelutong Development Sdn. Bhd. Sehingga tahun 2013, baki Pinjaman Boleh Dituntut adalah sebanyak RM122.2 juta terdiri daripada pinjaman kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebanyak RM2.61 juta, Majlis Perbandaran Seberang Perai sebanyak RM61.66 juta, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebanyak RM5.6 juta, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. sebanyak RM19.15 juta dan Jelutong Development Sdn. Bhd. sebanyak RM33.18 juta.

Pelaburan

Pelaburan yang dilaporkan di dalam Akaun Memorandum menunjukkan pelaburan yang dibuat melalui syarikat-syarikat pengurus dana yang dilantik oleh Kerajaan Negeri, pelaburan dalam unit amanah dan pelaburan ekuiti dalam Syarikat PBA Holdings Bhd. Jumlah nilai pelaburan sehingga akhir tahun 2013 ialah RM239.07 juta. Pengurus Dana memegang sebanyak RM37.94 juta, Maxis Bhd RM25.25 juta, Astro Bhd RM3.03 juta dan pelaburan ekuiti dalam Syarikat PBA Holdings Bhd sebanyak RM 172.83 juta

Hasil Belum Terima

Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2013, Hasil Belum Terima Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM82.40 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM4.13 juta berbanding tahun 2012 iaitu RM78.3 juta.

Sebahagian besar hasil yang belum terima ini adalah terdiri dari Cukai Tanah yang belum diterima iaitu sebanyak RM61.45 juta. Jumlah ini meningkat berbanding sebanyak RM57.95 juta pada tahun 2012.

Bayaran Air Mentah

Baki Bayaran Air Mentah bagi tahun berakhir 2013 adalah sejumlah RM7.67 juta. Jumlah berkurang berbanding RM14.37 juta bagi tahun berakhir 2012.

LIABILITI

Hutang Awam Kerajaan Negeri

Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun berakhir 31 Disember 2013 berjumlah RM50.5 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM1.27 juta berbanding tahun 2012 berjumlah RM49.23 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan terdapat pinjaman baru yang diterima pada tahun 2013.

**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2013.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2013.

DATO' HAJI MOKHTAR BIN MOHD JAIT
Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang
10 Januari 2014

ROSMAH BINTI ISMAIL
Bendahari Negeri Pulau Pinang
10 Januari 2014

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2013

	<u>2013</u>	<u>2012</u>
	<i>Nota</i>	RM
WANG AWAM		
WANG TUNAI	3	8,753,583.84
PELABURAN	4	1,283,350,000.00
		<hr/>
		1,292,103,583.84
		<hr/>
DIPEGANG BAGI:		
KUMPULAN WANG DISATUKAN		
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	826,579,027.29
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	465,524,556.55
		<hr/>
		1,292,103,583.84
		<hr/>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	<u>Nota</u>	<u>2013</u>	<u>2012</u>
		RM	RM
TERIMAAN			
Hasil	5		
Hasil Cukai		120,171,085.45	116,642,591.51
Hasil Bukan Cukai		511,708,001.61	416,427,024.37
Terimaan Bukan Hasil		<u>201,834,873.33</u>	<u>121,482,747.93</u>
		833,713,960.39	654,552,363.81
Pinjaman	6		
Dalam Negeri		3,160,642.00	14,689,358.00
		<u>3,160,642.00</u>	<u>14,689,358.00</u>
Terimaan Modal	7		
Pelbagai Terimaan Modal		51,986,252.76	57,339,300.87
Jualan Instrumen Kewangan		<u>0.00</u>	<u>0.00</u>
		51,986,252.76	57,339,300.87
Terimaan Lain	7		
Terimaan Amanah		58,428,047.72	0.00
		<u>58,428,047.72</u>	<u>0.00</u>
Jumlah Terimaan		<u>947,288,902.87</u>	<u>726,581,022.68</u>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	<u>Nota</u>	<u>2013</u>	<u>2012</u>
		RM	RM
BAYARAN			
Perbelanjaan Mengurus	5		
Emolumen		134,744,458.46	124,647,694.29
Perkhidmatan dan Bekalan		109,118,229.51	98,379,590.91
Aset		6,772,432.77	3,139,875.95
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		376,032,614.86	239,277,534.30
Perbelanjaan Lain		<u>3,613,950.93</u>	<u>2,455,941.06</u>
		630,281,686.53	467,900,636.51
Perbelanjaan Pembangunan	7		
Langsung		211,858,090.36	169,530,882.93
Pinjaman		<u>0.00</u>	<u>12,000,000.00</u>
		211,858,090.36	181,530,882.93
Perbelanjaan Modal			
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>98,900,000.00</u>	<u>98,900,000.00</u>
		56,392,653.07	56,392,653.07
Pinjaman	6		
Dalam Negeri		2,138,630.81	2,176,284.44
Kepada Agensi		<u>3,160,642.00</u>	<u>14,689,358.00</u>
		5,299,272.81	16,865,642.44
Bayaran Lain			
Akaun Amanah	7	<u>0.00</u>	<u>1,777,870.95</u>
		0.00	1,777,870.95
Jumlah Bayaran		<u>946,339,049.70</u>	<u>724,467,685.90</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai		949,853.17	2,113,336.78
Wang Tunai Pada 1 Januari		7,803,730.67	5,690,393.89
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER		<u>8,753,583.84</u>	<u>7,803,730.67</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
HASIL	5	708,523,660	833,713,960.39	654,552,363.81
<i>Tolak:</i> Belanja Mengurus	5	770,561,310	632,420,317.34	470,076,920.95
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		(62,037,650)	201,293,643.05	184,475,442.86
<i>Tolak:</i> Belanja Pembangunan	7	363,385,531.00	211,858,090.36	181,530,882.93
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(425,423,181)	(10,564,447.31)	2,944,559.93
DIBIAYAI OLEH:				
Pinjaman	6		3,160,642.00	14,689,358.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		48,825,610.76	42,649,942.87
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			(41,421,805.45)	(60,283,860.80)
JUMLAH PEMBIAYAAN			10,564,447.31	(2,944,559.93)

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2013

	<u>Nota</u>	<u>2013</u>	<u>2012</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
MEMORANDUM ASET		8	
Pinjaman Boleh Dituntut		122,200,078.40	119,636,012.78
Pelaburan		239,071,802.16	240,616,960.07
MEMORANDUM LIABILITI		9	
Hutang Awam		50,496,077.52	49,234,066.32

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaiannya seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan bagi tahun 2013 telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS)* - *Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>2013</i> <i>RM</i>	<i>2012</i> <i>RM</i>
Wang Tunai Dalam Bank	8,014,091.94	2,967,690.81
Wang Tunai Dalam Perjalanan	416,000.08	4,503,639.86
Wang Tunai Dalam Tangan	323,491.82	332,400.00
JUMLAH WANG TUNAI	8,753,583.84	7,803,730.67

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am juga merangkumi pelaburan daripada penukaran pinjaman kepada ekuiti.

Pelaburan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>2013</i> <i>Nilai Buku</i>		<i>2012</i> <i>Nilai Buku</i>	
	<i>Pelaburan</i> <i>Kumpulan Wang</i> <i>Amanah</i>	<i>Pelaburan Am</i>	<i>Pelaburan</i> <i>Kumpulan Wang</i> <i>Amanah</i>	<i>Pelaburan Am</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Saham	0.00	31,450,000.00	0.00	31,450,000.00
Deposit Dalam Negeri	400,000.00	1,251,500,000.00	3,000,000.00	1,150,000,000.00
<i>Jumlah</i>	400,000.00	1,282,950,000.00	3,000,000.00	1,181,450,000.00
JUMLAH PELABURAN	1,283,350,000.00		1,184,450,000.00	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Perihal	2013		2012	
	Anggaran	Sebenar	Sebenar	Sebenar
	RM	RM	% Anggaran	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		825,285,384		710,809,941.38
HASIL				
Hasil Cukai	134,720,700.00	120,171,085.45	89.20	116,642,591.51
Hasil Bukan Cukai	158,002,960.00	511,708,001.61	323.86	416,427,024.37
Terimaan Bukan Hasil	415,800,000.00	201,834,873.33	48.54	121,482,747.93
<i>Jumlah Hasil</i>	708,523,660.00	833,713,960.39	117.67	654,552,363.81
PERBELANJAAN MENGURUS				
Emolumen	143,761,001.00	134,744,458.46	93.73	124,647,694.29
Perkhidmatan dan Bekalan	117,119,460.00	109,118,229.51	93.17	98,379,590.91
Aset	7,539,799.00	6,772,432.77	89.82	3,139,875.95
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**	496,015,820.00	378,171,245.67	76.24	241,453,818.74
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	6,125,230.00	3,613,950.93	59.00	2,455,941.06
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</i>	770,561,310.00	632,420,317.34	82.07	470,076,920.95
<i>Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan</i>	200,000,000.00	200,000,000.00		70,000,000.00
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	970,561,310.00	832,420,317.34	85.77	540,076,920.95
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		1,293,643.05		114,475,442.86
BAKI PADA 31 DISEMBER		826,579,027.29		825,285,384.24

Nota: (**) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Perihal	2013		2012	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar	Sebenar
	RM	RM	RM	% Anggaran
HASIL CUKAI				
Cukai Tanah	124,985,000.00	124,985,000.00	107,645,177.15	86.13
Cukai Parit Dan Talair	884,200.00	884,200.00	627,216.84	70.94
Cukai Langsung Yang Lain	151,500.00	151,500.00	203,273.90	134.17
Cukai Hiburan	8,700,000.00	8,700,000.00	11,695,417.56	134.43
<i>Jumlah Hasil Cukai</i>	134,720,700.00	134,720,700.00	120,171,085.45	89.20
				116,642,591.51
				91.48 (disambung)

(sambungan)

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Perihal	2013			2012		
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar	% Anggaran	Anggaran	Sebenar
	RM	RM	RM	Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	9,408,460.00	9,408,460.00	12,009,145.38	127.64	7,475,390.61	78.95
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	44,396,900.00	44,396,900.00	69,599,442.56	156.77	58,195,136.45	151.22
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	45,544,810.00	45,544,810.00	366,175,125.92	803.99	288,392,456.44	633.91
Sewaan	5,132,100.00	5,132,100.00	5,033,385.22	98.08	5,517,825.00	105.31
Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan Pelaburan	45,197,000.00	45,197,000.00	53,983,424.26	119.44	51,596,948.29	126.66
Denda dan Hukuman	8,323,690.00	8,323,690.00	4,907,478.27	58.96	5,249,267.58	89.73
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	<i>158,002,960.00</i>	<i>158,002,960.00</i>	<i>511,708,001.61</i>	<i>323.86</i>	<i>416,427,024.37</i>	<i>286.66</i>
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	30,040,000.00	30,040,000.00	6,162,444.25	20.51	33,401,707.93	98.14
Terimaan daripada Agensi-agensi	385,760,000.00	385,760,000.00	195,672,429.08	50.72	88,081,040.00	111.38
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	<i>415,800,000.00</i>	<i>415,800,000.00</i>	<i>201,834,873.33</i>	<i>48.54</i>	<i>121,482,747.93</i>	<i>107.39</i>
JUMLAH HASIL	<u>708,523,660.00</u>	<u>708,523,660.00</u>	<u>833,713,960.39</u>	<u>117.67</u>	<u>654,552,363.81</u>	<u>208.18</u>

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Parlimen selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2013			% Anggaran
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T. 01 Peruntukan Diraja	3,508,450.00	3,508,450.00	3,156,738.33	89.98
T. 02 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	228,000.00	228,000.00	161,185.82	70.70
T. 03 Jabatan Kewangan Negeri	30,679,410.00	30,679,410.00	21,287,908.03	69.39
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	<i>34,415,860.00</i>	<i>34,415,860.00</i>	<i>24,605,832.18</i>	<i>71.50</i>
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 01 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	129,013,692.00	129,013,692.00	121,125,947.55	93.89
B. 02 Pejabat Tanah Dan Galian	8,430,150.00	8,430,150.00	7,503,774.84	89.01
B. 03 Pejabat Daerah Dan Tanah, Daerah Timur Laut	6,578,630.00	6,578,630.00	6,227,256.73	94.66
B. 04 Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya	6,079,340.00	6,079,340.00	5,605,559.16	92.21
B. 05 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara	6,810,700.00	6,810,700.00	6,801,973.49	99.87
B. 06 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah	6,432,160.00	6,432,160.00	6,429,984.70	99.97
B. 07 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan	5,275,560.00	5,275,560.00	5,115,852.64	96.97
B. 08 Jabatan Pengairan Dan Saliran	31,582,270.00	31,582,270.00	30,004,185.44	95.00
B. 09 Jabatan Perhutanan	3,328,230.00	3,328,230.00	3,096,061.38	93.02

(disambung)

(sambungan)

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2013			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 10 Jabatan Taman Botani	4,034,150.00	4,034,150.00	3,691,472.82	91.51
B. 12 Jabatan Kerja Raya	32,165,868.00	32,165,868.00	30,784,885.20	95.71
B. 13 Jabatan Hal Ehwal Agama	15,745,450.00	15,745,450.00	14,996,651.67	95.24
B. 14 Jabatan Kebajikan Masyarakat	6,988,990.00	6,988,990.00	6,902,243.00	98.76
B. 15 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	3,612,830.00	3,612,830.00	3,520,039.98	97.43
B. 16 Jabatan Kewangan Negeri	648,942,490.00	648,942,490.00	335,935,466.88	51.77
B. 17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5,542,470.00	5,542,470.00	4,916,846.45	88.71
B. 18 Jabatan Pertanian	7,703,350.00	7,703,350.00	7,375,650.71	95.75
B. 19 Jabatan Mufti	2,305,080.00	2,305,080.00	2,266,234.16	98.31
B. 20 Jabatan Kehakiman Syariah	5,574,040.00	5,574,040.00	5,514,398.36	98.93
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	936,145,450.00	936,145,450.00	607,814,485.16	64.93
PERBELANJAAN MENGURUS	970,561,310.00	970,561,310.00	632,420,317.34	65.16
PINDAHAN LEBIHAN HASIL KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN			200,000,000.00	
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)			832,420,317.34	

Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di Lampiran C - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang Persekutuan.

Bayaran faedah hutang negeri tidak diakaun di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T03 berjumlah RM1,242,701.10 seperti di Nota 5(b).

Semua baki Pinjaman dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Perihal	2013		2012	
	(Debit)/Kredit RM	RM	(Debit)/Kredit RM	RM
PINJAMAN				
Badan Berkanun				
Baki pada 1 Januari		0.00		0.00
Terimaan		0.00		3,850,000.00
Bayaran		0.00		(3,850,000.00)
Baki pada 31 Disember		0.00		0.00
Bekalan Air				
Baki pada 1 Januari		0.00		0.00
Terimaan		3,160,642.00		10,839,358.00
Bayaran		(3,160,642.00)		(10,839,358.00)
Baki pada 31 Disember		0.00		0.00
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN		0.00		0.00

Di Penyata Prestasi Kewangan Pinjaman Negeri berjumlah RM3,160,642.00 untuk tahun 2013 adalah terimaan bersih tahun semasa.

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

